

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat: DEWAN MERDEKA, PWTC
Tarikh: 28-12-2004
Tajuk : SIMPOSIUM DAN EKSPLO USAHAWAN FELDA 2004 (SIMEX 2)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Yang Berhormat Datuk Mohammad Khaled Nordin, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Yang Berbahagia Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor, Pengerusi FELDA

Yang Berbahagia Datuk Khamis Md.Som, Pengarah Besar FELDA

Yang Berusaha Encik Azizan Ishak, Wakil Ketua Peneroka

Dif-Dif Kehormat, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita menjayakan **Simposium Dan Ekspo Usahawan FELDA Kedua** atau SIMEX II 2004 ini. Pada hemat saya, penganjuran SIMEX II ini penting kerana ia memberi peluang untuk kita menilai kembali prestasi kita dalam aktiviti *non-farm* dan keusahawanan. Ia juga penting untuk menilai tahap penglibatan kita dalam aktiviti yang diceburi serta keupayaan kita mewujudkan *networking* dan *strategic alliance* sesama kita dan juga dengan usahawan lain, dengan harapan agar matlamat yang telah ditetapkan, iaitu untuk meningkat dan mempelbagaikan asas ekonomi dan pendapatan peneroka serta generasi mereka di kawasan rancangan FELDA, akan dapat dicapai. Sehubungan itu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada pengurusan FELDA dan para peserta simposium dan expo ini kerana berjaya merealisasikan program SIMEX II ini. Penganjuran SIMEX II, saya percaya, dapat menampilkan kejayaan pengusaha-pengusaha kecil di rancangan FELDA dalam pelbagai aktiviti *non-farm*. Tema Simposium dan ekspo ini iaitu, **Menembusi Pasaran Global**, pada pendapat saya amat sesuai sekali dengan keadaan masa kini dan ianya memberi peluang kepada kita untuk benar-benar menilai produk kita dan meletakkan fokus terhadap penghasilan produk yang benar-benar mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, saya selalu menyarankan agar kita mempunyai "*global strategy*", sama ada organisasi/pengusaha/negara. Kita tidak mungkin mencapai kejayaan jauh lebih baik, capai lonjakan berganda, jika tidak mempunyai "*global strategy*". Fenomena globalisasi dan liberalisasi perlu kita hadapi. Justeru, jika kita kekal sikap lama, sudah tentu kita akan tewas. Tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh berjaya. Apa yang diharap oleh Perdana Menteri ialah kita bergerak ke tahap baru, negara

cemerlang, gemilang dan terbilang dan kita tidak akan capai sasaran ini tanpa "*global strategy*" yang berkesan.

Para hadirin sekalian,

FELDA telah mensasarkan penyertaan 30% warga FELDA dalam bidang keusahawanan menjelang akhir tahun 2005. Pencapaian yang diperolehi sehingga akhir September 2004 ialah seramai 21,578 orang peneroka atau 20.9 peratus dari jumlah peneroka yang telah melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan seperti penternakan, akuakultur, tanaman komersil, perusahaan, perniagaan dan perkhidmatan. Nyata sekali, masih ramai dari golongan peneroka yang masih ragu-ragu untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Bagi mendorong kegiatan keusahawanan di rancangan FELDA, Kerajaan melalui FELDA telah menyediakan berbagai kemudahan pembiayaan kepada peneroka. Ini termasuklah **Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF)** yang menyediakan pinjaman tanpa faedah kepada mereka yang berminat dan berusaha untuk menambah pendapatan mereka. Sehingga kini sejumlah RM13.7 juta diluluskan kepada seramai 1,674 orang pengusaha. Ini adalah sebahagian dari peruntukan RM50 juta yang telah disediakan untuk membantu golongan usahawan yang baru serta kumpulan usahawan yang sedia ada.

Pada masa yang sama, pelbagai produk telah dikeluarkan di bawah program SAWARI (**Satu Wilayah Satu Industri**). Produk ini dikategorikan kepada tiga industri iaitu industri tekstil dan sulaman - dengan jenamanya (*F Best Collections*), industri makanan (*F Best Foods*) dan industri kraf tangan (*F Best Crafts*). Selain menambahkan pendapatan peneroka, projek ini juga telah memberi peluang pekerjaan kepada golongan belia dan beliawanis di kawasan rancangan FELDA.

Matlamat akhir yang hendak dicapai dalam program pembangunan di kawasan rancangan FELDA adalah untuk **meningkatkan pendapatan yang stabil secara berterusan dan meningkatkan kualiti kesejahteraan hidup peneroka dan generasinya**. Pencapaian ini hendaklah **setara dengan pencapaian negara**. Peningkatan pendapatan dijangka boleh meningkatkan **pendapatan boleh belanja** (*disposable income*) mereka yang mempunyai kesan pengganda yang seterusnya menjana pertumbuhan aktiviti ekonomi dan perniagaan di kawasan rancangan. Ia bukan sahaja boleh meningkatkan pendapatan, malah dapat mewujudkan peluang pekerjaan baru dengan tahap pendapatan yang lebih tinggi. Di samping itu, aktiviti perniagaan dan perkhidmatan baru dan berkualiti yang diwujudkan di kawasan rancangan Felde perlu dapat menarik pelanggan dari luar ke kawasan rancangan.

Demikianlah antara inisiatif-inisiatif yang telah diambil bagi menggalakkan penglibatan golongan peneroka di dalam bidang keusahawanan dengan harapan ia seterusnya akan meningkatkan

pendapatan dan taraf hidup mereka. Persoalannya ialah **adakah matlamat ini boleh dicapai?** Ianya tentu tidak boleh dicapai jika peneroka dan generasinya masih tidak mahu mengadakan anjakan paradigma, dan masih hanya bergantung pendapatan dari hasil kebun semata-mata serta tidak meningkatkan kemahiran dan pengetahuan demi untuk merebut semua peluang yang tersedia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pertumbuhan sektor IKS yang berteraskan pertanian dan sumber sedia ada dapat membantu memajukan aktiviti ekonomi di kawasan rancangan dan seterusnya memberi manfaat kepada generasi peneroka dan pertumbuhan ekonomi negara keseluruhannya. Pelaksanaan aktiviti IKS ini dapat menjana kekayaan yang berlipat ganda melalui aktiviti *down-stream* yang mempunyai **nilai ditambah yang tinggi** dan mempunyai **rantaian nilai yang meluas** berbanding dengan pulangan yang diperolehi dari aktiviti peringkat pertama iaitu pengeluaran bahan mentah dari getah dan sawit. Usahawan yang inovatif dan kreatif serta peka dengan arus pasaran akan berpeluang untuk merebut peluang keemasan ini dan memanfaatkan sepenuhnya untuk mencapai hasil yang lumayan.

Kita harus ingat bahawa sumber pendapatan daripada kebun berkait rapat dengan **harga dan produktiviti** komoditi sawit dan getah. Faktor harga banyak mempengaruhi pendapatan peneroka. Apabila harga turun sebahagian besar peneroka terjejas pendapatannya. Maka di sinilah pentingnya aktiviti *non-farm* untuk menentukan pendapatan yang tinggi dan stabil pada masa ini dan pada masa hadapan.

Saya mengikuti perkembangan kesejahteraan masyarakat peneroka di kawasan rancangan FELDA dengan penuh tanggungjawab dan teliti. Saya perhatikan bahawa ramai dari kalangan peneroka yang hanya menggunakan sedikit masa sahaja untuk menguruskan aktiviti di kebun, manakala sebahagian besar kerja-kerja di kebun telah diupah. Masih banyak masa yang terluang yang boleh digunakan sepenuhnya. Saya sarankan agar mereka yang belum melibatkan diri dalam aktiviti *non-farm* ini untuk mula menceburinya. Jangan biarkan masa terluang begitu sahaja. Kalaupun tanah kita sedang dalam peringkat tanam semula, gunakan masa itu untuk melakukan aktiviti lain yang boleh meningkatkan pendapatan kita.

Aktiviti yang boleh dilaksanakan termasuklah bidang ternakan, akuakultur, tanaman komersil, perusahaan, perniagaan dan perkhidmatan seperti pelancongan dan pendidikan. Aktiviti ini boleh memberikan pulangan pendapatan purata antara RM600.00 hingga RM2500.00 sebulan. Saya melihat aktiviti-aktiviti ini mampu dimajukan lagi kerana masih banyak ruang yang ada di rancangan yang belum dieksploitasi sepenuhnya.

Kerajaan sentiasa bersedia untuk membantu dan mempermudah mereka yang berminat untuk menceburi bidang ini. Pada masa yang

sama, melalui pelbagai Kementerian seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Haiwan, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, MARDI, MPOB, MARA dan sebagainya, segala kemudahan seperti latihan dan kemahiran, khidmat nasihat, peruntukan dan pinjaman dan segala bentuk latihan pengurusan turut disediakan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Sebenarnya secara keseluruhannya saya masih belum berpuas hati dengan pencapaian dari aspek keusahawanan ini. Usaha yang berterusan perlu dilipatgandakan lagi untuk mencapai matlamat mewujudkan **Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)** yang berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing. Pencapaian ini bukan sahaja berdasarkan kuantiti pengusaha tetapi perlu memberi tumpuan yang sama penting kepada kualiti usahawan. Pewujudan satu golongan besar usahawan di kalangan masyarakat rancangan adalah kritikal kepada strategi untuk mencapai lonjakan berganda di kawasan rancangan FELDA.

Saya merasa bimbang kerana masih ramai golongan usahawan FELDA yang gagal untuk meningkatkan daya saing dan kualiti produk pengeluarannya ke tahap yang lebih tinggi, walaupun pelbagai bantuan disediakan. Dan ada juga yang boleh dikategorikan sebagai pengusaha separuh jalan. **Adakah ini disebabkan pengurusan perniagaan dan perusahaan yang lemah?** Atau penyertaan hanya dalam aktiviti yang tiada *value-added* atau yang pasarannya amat terhad sudah tepu?, Atau tiada keupayaan kerana kurang kemahiran dan pengetahuan?, Atau kelemahan dalam mencari pasaran? Atau mempunyai asas teknologi yang lemah? Atau kesemuanya sekali?

Pengusaha haruslah bersedia untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan, sistem pengurusan, maklumat perniagaan dan pendekatan baru supaya industri ini dapat dimajukan ke tahap yang optimum. Contohnya, sistem ternakan lembu dan kambing lepas bebas yang diamalkan sekarang ini menghasilkan pendapatan yang rendah selain menyusahkan orang lain. Ia perlu ditukarkan dengan sistem *fidlot* yang mampu memberi pendapatan yang lebih baik. Sistem ternakan ayam kecil-kecilan yang diamalkan sekarang perlu diganti dengan sistem *contract farming* yang ada jaminan pasarannya.

Setiap bidang keusahawanan yang diceburi, janganlah terhad kepada pengeluaran asas produk sahaja. Kita perlu bersedia untuk mempelbagaikan aktiviti pengeluaran hasil akhir (*final product*) termasuklah pemprosesan, pembungkusan dan pemasaran dengan mempunyai jenamanya sendiri sebagai pengeluar dan pengedar. FELDA dan usahawan di kalangan peneroka dan generasinya mampu menjadikan kawasan rancangan sebagai pusat pengeluaran dan

pengedaran makanan halal (**halal food hub**) yang mengeluarkan makanan bermutu tinggi dan selamat melalui pertumbuhan pesat industri asas tani ini. Saya menyeru kepada semua peneroka agar benar-benar mengambil serius saranan ke arah keusahawanan ini, demi kebaikan masa depan kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kerajaan telah mengenalpasti sumber-sumber pertumbuhan baru yang perlu diterokai dan dimajukan dengan lebih giat lagi. Antara sumber pertumbuhan baru pertanian yang berpotensi untuk dikomersilkan ialah produk bioteknologi, biomas, rumpai laut, florikultur, ikan hiasan, herba dan kenaf. Usaha FELDA memperkenalkan projek penanaman Tongkat Ali, Kenaf, Alfalfa dan Guinea Grass adalah menjurus ke arah itu. Penanaman rumput Alfalfa di Perlis telah menunjukkan potensi yang baik untuk disesuaikan di negara ini. Manakala keluasan tanaman Kenaf akan ditingkatkan ke 2 buah rancangan di Pahang iaitu di Lepar Hilir 1 dan Cini 4. Penanaman Herba Tongkat Ali telah diusahakan di 20 buah rancangan dengan keluasan 5 ekar setiap rancangan.

Penubuhan anak syarikat FELDA yang terbaru iaitu Felda Herba Corporation Sdn Bhd perlu mampu mewujudkan impak kepada ekonomi peneroka dan generasinya serta negara. Syarikat ini perlu membantu pertumbuhan dan peningkatan ekonomi peneroka ke tahap yang lebih tinggi. **Saya sendiri telah mengarahkan agar syarikat ini mendapat bekalan bahan mentah herba dari tanaman herba yang ditanam oleh peneroka dan generasinya di kawasan rancangan FELDA.** FELDA juga boleh membangunkan industri pengeluaran makanan ternakan ruminan berasaskan pelepah sawit yang telah dimajukan oleh MARDI. Industri ini mendapat permintaan yang baik terutamanya dari Jepun dan Taiwan. Pada masa ini hanya satu syarikat perladangan swasta sahaja yang memajukan makanan ternakan ruminan ini. Oleh itu, semua usahawan, peneroka dan generasi mereka perlu untuk segera merebut semua peluang yang ada ini sebelum terlambat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Apa yang telah saya sebutkan ini menggariskan betapa perlunya semangat keusahawanan diwujudkan di kalangan peneroka demi merebut peluang keemasan yang ada, dengan matlamat untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup peneroka.

20. Kalau sekiranya dahulu kita masuk rancangan dengan semangat seorang peneroka yang berkobar-kobar, sekarang juga kita perlu menyemarakkan semangat ini pada era baru. Kita hendaklah ceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan aktiviti komersil. Kita perlu berfikiran kreatif, inovatif, rajin, tekun dan disiplin untuk berjaya.

Justeru, saya menyeru agar generasi pertama dan kedua FELDA

supaya mempunyai azam dan tekad yang kuat untuk menceburi bidang lain. Tidak ada sebab kita tidak boleh berjaya kecuali kekangan diri sendiri - semua boleh dijayakan.

Maka saya dengan lafaz '**Bismillahirrahmanirrahim**' merasmikan Simposium dan Ekspo Usahawan FELDA Kedua, 2004 (SIMEX II) pada hari ini.

Terima kasih.

*Pejabat Timbalan Perdana Menteri Malaysia.
Putrajaya*

27 Disember 2004.